

## **SYARAT PELANTIKAN FOUNDER #KAMPUNG (2024 – 2029)**

- Telah mendaftarkan nick sekurang-kurangnya satu (1) tahun di KampungChat;
- Merupakan seorang user yang aktif di #kampung dan KampungChat;
- Tidak pernah terlibat dengan sebarang aktiviti yang mencurigakan di KampungChat;
- Mempunyai pengetahuan asas mengenai IRC dan IRC Server;
- Mempunyai kebolehan untuk memimpin dan mengawal Operator dan user di #kampung;
- Tempoh berkhidmat sebagai founder #kampung adalah 5 tahun daripada tarikh lantikan;
- Berupaya memilih SOP/AOP/HOP/VOP yang boleh diberikan kepercayaan untuk menjaga #kampung;
- Menghormati/ mendengar pandangan/nasihat daripada IRCop/Administrator KampungChat berkaitan #kampung;
- Mempunyai idea-idea baharu untuk memajukan dan memastikan #kampung kekal relevan;
- Memastikan #kampung kekal aktif dan terlindung daripada flooder/drone/clone dan lain-lain aktiviti yang tidak dibenarkan di KampungChat;
- Status founder #kampung adalah suatu keistimewaan dan bukan hak sepenuhnya berkaitan #kampung;
- Status founder boleh ditarik balik/digantung dengan notis 24 jam atau serta merta sekiranya terdapat isu-isu keselamatan/ketidakpatuhan terhadap Polisi dan Peraturan KampungChat dengan kelulusan melalui usul tergepar Administrator KampungChat;
- Tiada tempoh minimum pelantikan sebagai founder #kampung;
- Perlu memastikan status Operator tidak digunakan untuk kick/ban user sesuka hati; dan
- Perlu menyediakan peraturan khusus kepada Operator dan User di #kampung (Do & Don't).

## PROSES PERMOHONAN

- Sila kemukakan butiran diri melalui emel **apply@kampungchat.org**
- Pemohon yang berjaya akan dipanggil untuk temuduga (*interview*) dan keputusan akan dimaklumkan melalui emel;
- Tarikh mula bertugas adalah pada 2/1/2024 hingga 31/12/2029;
- Tarikh iklan mulai 1/12/2023 hingga 15/12/2023; dan
- Sebarang pertanyaan sila ajukan di #help / <https://www.kampungchat.org/help>.